

## BAB I

### KEDUDUKAN HADITH DALAM TAFSIR AL-QUR`AN

#### 1.1 PENGENALAN

Al-Qur`an al-Karim diturunkan dalam bahasa Arab, sebagaimana diterangkan oleh firman Allah yang bermaksud: *Sesungguhnya Kami menurunkan kitab itu sebagai al-Quran yang dibaca dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya.* (Q.S. Yūsuf [12]: 2), dan firman Allah s.w.t. yang bermaksud: *“iaitu al-Quran yang berbahasa Arab, yang tidak mengandungi sebarang keterangan yang terpesong; supaya mereka bertakwa”.* (Q.S. al-Zumar [39]: 28). Hal yang sama diterangkan juga dalam surah al-Zukhruf: 3, surah al-Shu`arā’: 192-195 dan sebagainya.

Turunnya al-Qur`an dalam bahasa Arab adalah suatu kewajaran sebab ia diturunkan demi menyeru bangsa Arab untuk menganut agama Islam pada peringkat awalnya kemudian kepada seluruh manusia di permukaan bumi ini, maka ia mestilah menggunakan bahasa yang mereka fahami agar risalah yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. dapat mereka terima dengan baik dan sempurna. Hal ini selari dengan firman Allah s.w.t. surah Ibrāhīm: ayat ke 4, yang bermaksud: *Dan Kami tidak mengutus seseorang Rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya ia menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka.*

Walaupun al-Qur`an diturunkan dalam bahasa Arab, pada suasana dan lingkungan Arab yang maju dalam bidang sastera, namun tidak semua sahabat ketika mendengar al-Qur`an dapat memahaminya secara lengkap dan terperinci. Ibn Qutaybah berkata: pemahaman orang-orang Arab terhadap al-Qur`an sangat bervariasi dan berperingkat, tidak semua mereka dapat memahami seluruh kandungan al-Qur`an sama

ada ayat-ayat yang *gharib* ataupun yang *mutashabih*, olehnya itu, pendapat Ibnu Khaldun kurang tepat bahawa dengan diturunkannya al-Qur`an dalam bahasa Arab, dengan sendirinya semua orang-orang Arab dapat memahaminya, mengerti maksud perkataan-perkataan dan susunan ayat-ayatnya.<sup>1</sup> Pernyataan beliau dibantahkan oleh Ahmad Amin dalam *Fajr al-Islām*: al-Qur`an diturunkan dalam bahasa Arab tidak semestinya semua orang Arab mengerti maksudnya, pemahaman mereka terhadap al-Qur`an mengikut kemampuan pemikiran mereka. Sepertimana satu kaum atau bangsa, tidak semua penduduknya dapat memahami setiap perkataan dalam bahasa yang diguna pakai oleh bangsa tersebut. Sebuah *athar* yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik, bahawasanya seorang lelaki bertanya kepada ‘Umar al-Fārūq mengenai firman Allah s.w.t.: “*wa fākihah wa abbā*”<sup>2</sup>, apakah maksud daripada *abba*? Umar menjawab: Kita hendaknya tidak memaksakan diri untuk mengetahui segala sesuatu.<sup>3</sup>

Dalam riwayat lain daripada Ibn ‘Abbās, beliau berkata: aku tidak mengetahui apa maksud “*Fāḥir al-samāwāt wa al-‘ard*”<sup>4</sup> sehingga ada dua orang Badwi datang melaporkan kepadaku kerana berselisih tentang pemilik sebenar sebuah perigi, salah satu mereka berkata: “*Ana aftartuhā*” maksudnya: "Akulah yang pertama menggali". Bahkan ‘Umar al-Fārūq tidak mengetahui maksud “*takhawwu*” kecuali setelah seorang daripada Bani Hudhayl menjelaskan maksudnya, begitu juga Ibn ‘Abbas yang digelar sebagai “*Tarjumān al-Qur`ān*” yang telah didoakan oleh Rasulullah s.a.w. dengan sabdanya: “*Allahumma faqqihhu fī al-dīn wa ‘allimhu al-ta’wīl*” (Ya Allah! Berilah kepadanya kefahaman dalam agama dan ajarkanlah ia pentafsiran), tidak mengetahui maksud “*Fāḥir al-samawāt wa al-‘ard*” melainkan setelah dua orang Arab Badwi datang meminta putusan hukum daripada beliau kerana perselisihan mengenai pemilik sebuah

---

<sup>1</sup> Abd al-Raḥmān bin Muhammad bin Khadūn al-Ḥaḍramī (2001), *Muqaddimah Ibn Khaldūn*, Beirut: Dār al-Fikr, h. 553.

<sup>2</sup> Q.S. ‘Abasa [80]: 31.

<sup>3</sup> Ahmad Amin (1969), *Fajr al-Islām*, c. 10, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Arabi, h. 195-196

<sup>4</sup> Q.S. Fatir [35]:1

perigi, maka salah seorang dari mereka berkata: “*Ana aftartuha*” maksudnya: Akulah yang pertama membuatnya. Jika hal ini berlaku pada diri al-Fārūq dan Ibn ‘Abbās, maka apatah lagi dengan orang-orang Arab yang awam dan bagaimana pula dengan orang-orang yang non Arab (*Ajam*)? Pastilah tidak dapat mengetahui seluruh maksud al-Qur`an hanya dengan mengetahui bahasa Arab. Lebih daripada itu, terdapat di dalam al-Qur`an ayat-ayat mengenai Taurat dan Injil, yang tidak dapat difahami hanya dengan mengetahui bahasa Arab.<sup>5</sup>

Namun demikian, dapat dikatakan bahawa para sahabat adalah orang yang lebih mendalam pemahamannya terhadap al-Qur`an daripada orang-orang lain, sebab mereka melihat secara langsung situasi dan kondisi di mana al-Qur`an tersebut diturunkan, sentiasa menyertai Rasulullah s.a.w. dan hidup berdampingan bersama beliau sehingga mereka mengetahui secara detil latar belakang turunnya ayat-ayat al-Qur'an. Lebih daripada itu, mereka dapat mengetahui tafsir al-Qur`an praktikal daripada kehidupan Rasulullah sehari-hari.<sup>6</sup>

Rasulullah s.a.w. yang telah diturunkan al-Qur`an kepadanya, sudah pastilah mengetahui keseluruhan maksud al-Qur`an, sama ada secara global ataupun terperinci. Bagaimana tidak, Allah s.w.t. telah menjamin baginya penghafazan dan penjelasannya, sebagaimana firman Allah s.w.t. dalam surah al-Qiyāmah ayat 17-19 yang bermaksud: *"Sesungguhnya Kamilah yang berkuasa mengumpulkan Al-Quran itu (dalam dadamu), dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu). Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibrail), maka bacalah menurut bacaannya itu; Kemudian, sesungguhnya kepada Kamilah terserah urusan menjelaskan kandungannya (yang memerlukan penjelasan)".* Nabi s.a.w. adalah pentafsir pertama kepada al-Qur`ān. Beliau telah pun menjelaskan kepada para sahabat

---

<sup>5</sup> Ahmad Amin, *op. cit.*, h. 196.

<sup>6</sup> Muhammad Bayūmī Mahrān (1988), *Dirāsāt Tārīkhīyah min al-Qur`ān al-Karīm*, c. 2, Beirut: Dār al-Nahḍah al-'Arabīyah, h. 103.

apa yang *mujmal* daripada ayat-ayat al-Qur`an, mengkhususkan yang umum, membatasi yang mutlak, menerangkan yang *mushkil* dan menghuraikan makna-makna al-Qur`an. Para sahabat semasa Nabi masih hidup, dapat merujuk langsung kepada beliau setiap menjumpai ayat-ayat yang sulit mereka fahami.<sup>7</sup>

Pada zaman sahabat, yang menjadi sumber tafsir al-Qur`an ialah al-Qur`an itu sendiri kemudian hadith-hadith Nabi s.a.w yang mereka riwayatkan langsung daripada baginda atau yang mereka riwayatkan daripada sahabat-sahabat yang lain daripada Nabi s.a.w.. Selain daripada itu, sahabat juga berpandu kepada ijtihad sendiri berdasarkan daya pemikiran dan istinbat masing-masing apabila mereka tidak menemukan jawapannya dalam al-Qur`an atau sunnah. Yang menjadi alat-alat para sahabat dalam berijtihad ialah mengetahui selok-belok bahasa Arab, mengetahui adat kebiasaan orang-orang Arab, mengetahui keadaan orang-orang Yahudi dan Nasrani ketika turunnya al-Qur`an, mengetahui sebab-sebab turunnya ayat serta situasi dan kondisi ketika turun al-Qur`an, dan mempunyai daya kefahaman yang tinggi serta ketajaman pengamatan.

Selain itu, para sahabat juga merujuk kepada kitab-kitab Ahli Kitab, kerana di dalam kitab Taurat dan Injil terdapat kesamaan dengan al-Qur`an dalam beberapa hal, terutamanya kisah-kisah para nabi dan umat terdahulu, yang mana al-Qur`an mempunyai metodologi tersendiri, iaitu menceritakan kisah-kisah tersebut secara ringkas dan padat, sangat berbeza dengan Taurat dan Injil yang menceritakannya secara terperinci. Namun hal ini bukanlah rujukan utama dalam tafsirnya sebagaimana tiga rujukan sebelumnya, ia dibuat dengan amat berhati-hati dan terbatas untuk tidak terjebak dalam pengaruh *isrā'iliyyāt* dan penyelewengan mereka.<sup>8</sup>

---

<sup>7</sup> Muhammad Husayn al-Dhahabī, selepas ini disebut al-Dhahabī (t.t.), *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*, j. 1, Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 28; Fahd al-Rūmī (t.t.), *Buḥūth fī Uṣūl al-Tafsīr wa Manāhijuh*, Riyadh: Maktabah al-Tawbah, h. 5

<sup>8</sup> Al-Dhahabī (1977), *Ilm al-Tafsīr*, Kaherah: Dār al-Ma'rifah, h. 22-24.

Pada zaman tabi'in pula, sumber rujukan dalam memahami dan mentafsirkan al-Qur`an tetap seperti di atas, akan tetapi ditambah setelah hadith Rasulullah -dari segi urutannya- riwayat dan pentafsiran para sahabat; kerana mereka pernah hidup bersama Rasulullah s.a.w. dan menyaksikan periode dan latar belakang turunnya ayat.<sup>9</sup> Berbeza dengan sahabat, pada peringkat ini tafsir sudah mulai meluas seiring dengan semakin banyaknya perkataan-perkataan yang *musykil* bagi mereka. Begitu juga terdapat perselisihan pendapat dalam perkara-perkara hukum-hakam fiqh. Namun, yang sangat disayangkan ialah riwayat-riwayat *Isrā'iliyyāt* telah banyak merasuk ke dalam tafsir, seiring dengan ramainya orang-orang ahli Kitab yang memeluk agama Islam, di antara mereka ialah: Ka'b al-Akhhbār, Wahab bin Munabbih, 'Abd Allāh bin Salām dan sebagainya, yang mana mereka tetap membawa riwayat-riwayat dan kisah-kisah yang termuat dalam kitab-kitab mereka.<sup>10</sup>

Tafsir ditulis pada peringkat permulaan sebagai sebahagian daripada ilmu hadith. Para ulama mengumpulkan segala yang diwarisi daripada riwayat pentafsiran Rasulullah s.a.w., sahabat dan tabi'in. Ketika itu tafsir atau hadith belum dilembagakan sebagai suatu disiplin ilmu yang tersendiri. Tafsir lebih merupakan periwayatan hadith, bahkan ia adalah salah satu bab daripada bab-babnya. Dan belum ada satu karya khas yang mentafsirkan al-Qur`an ayat per-ayat dari awal al-Qur`an hingga ke akhirnya. Tetapi ulama hanya mengumpulkan hadith-hadith nabi, termasuk di dalamnya riwayat-riwayat tafsir yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w., sahabat dan tabi'in. Di antara mereka ialah Yazīd bin Hārūn al-Salmī (w.117H), Shu'bah bin al-Ḥajjāj (w.160H), Waki' bin al-Jarrāh (w. 197H) dan lain-lain. Kemudian bermulalah penulisan tafsir sebagai suatu disiplin ilmu tersendiri yang terpisah daripada hadith. Pada peringkat ini ulama mulai beranjak mentafsirkan tiap-tiap ayat al-Qur`an secara tersusun mengikut urutan *maṣḥaf*. Ulama yang pertama menulis tafsir pada peringkat ini ialah 'Abd al-

---

<sup>9</sup> Al-Dhahabī (t.t.), *op. cit.*, h. 76

<sup>10</sup> *Ibid.*, h. 97

Mālik bin Jurayj (80H-140H). Dan ulama-ulama masyhur yang telah mentafsirkan al-Qur`an pada peringkat ini di antaranya: Ibn Mājah (w.273H), Ibn Jarīr al-Ṭabarī (w. 310H), Abu Bakr al-Mundhir al-Naysabūrī (W. 318H) dan lain-lain sebagainya. Tafsir-tafsir seperti ini dikategorikan sebagai *Tafsīr bi al-Ma'thūr*.<sup>11</sup>

Semua kitab tafsir di atas diriwayatkan dengan sanad yang bersambung kepada Rasulullah s.a.w., sahabat dan tabi'in. Namun ulama yang datang kemudian meringkaskan riwayat tersebut, mereka menyusun *tafsīr bi al-Ma'thūr* tanpa menyebutkan sanadnya, bahkan kerap kali memuat banyak riwayat dan pendapat tanpa menjelaskan statusnya sama ada ia *ṣaḥīḥ* ataupun *ḍa'īf*. Pada masa ini juga telah berkembang periwayatan *isrā'iliyyāt* dan semakin merajalela merasuk ke dalam pentafsiran al-Qur`an. Hal ini melalaikan mereka daripada membahaskan perkara-perkara yang lebih penting dalam agama.<sup>12</sup>

Setelah peringkat tersebut di atas, tafsir al-Qur`an semakin berkembang, seiring dengan perkembangan ilmu pengetahuan. Tafsir tidak lagi menitik beratkan kepada riwayat semata-mata, akan tetapi lebih banyak menggunakan ijtihad setelah menguasai selok-belok bahasa Arab, *Asbāb al-Nuzūl*, *Nāsikh Mansūkh*, *Uṣūl al-Fiqh* dan banyak lagi pensyaratan lain yang telah ditetapkan oleh para ulama. Tafsir ini dikenal dengan sebutan *tafsīr bi al-Ra`yi*. Kitab tafsir dalam aliran ini masing-masing mempunyai kecenderungan dan aliran tersendiri, ini akibat berkembangnya aliran pemikiran dan mazhab-mazhab dalam Islam sehingga para mufasir mentafsirkan al-Qur`an mengikut mazhab dan akidahnya masing-masing. Seorang ahli fiqh akan membincangkan dalam tafsirnya dalil-dalil yang menguatkan pendapat mazhabnya dan menjawab hujah-hujah mazhab yang berselisih dengannya. Demikian juga ahli nahu akan menitik beratkan pembicaraannya mengenai nahu, *i'rāb* dan selok-belok bahasa Arab dalam tafsirnya, dan

---

<sup>11</sup> Fahd al-Rūmī (t.t.), *op. cit.*, h. 36

<sup>12</sup> Al-Dhahabī (t.t.) *op. cit.*, h.113

begitulah seterusnya. Di antara karya *tafsīr bi al-Ra'yi* ialah *Tafsīr al-Rāzī*, *Tafsīr al-Bayḍāwī*, *Tafsīr al-Khāzin*, *al-Baḥr al-Muḥīṭ*, *Tafsīr al-Jalālayn* dan lain-lain.<sup>13</sup>

## 1.2 KADAR AYAT YANG DITAFSIRKAN OLEH RASULULLAH S.A.W.

Allah s.w.t. telah menurunkan al-Qur`an al-Karīm ke atas pesuruhnya Nabi Muhammad s.a.w. dan menyuruhnya untuk menyampaikan serta menjelaskannya kepada umat manusia. Allah s.w.t. berfirman dalam surah al-Mā`idah ayat 67, yang bermaksud: "*Wahai Rasulullah! Sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu; dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya), maka bermakna tiadalah engkau menyampaikan perutusanNya*". Dan banyak lagi ayat yang menjelaskan hal ini. Atas amanah ini Rasulullah s.a.w. kemudian menyampaikan ayat-ayat suci al-Qur`an kepada umatnya dan menjelaskan kepada mereka ayat-ayat yang musykil dan sulit difahami.

Namun yang menjadi persoalan ialah: apakah Rasulullah s.a.w. telah menjelaskan atau mentafsirkan semua ayat-ayat al-Qur`an atau tidak? Jika jawapannya tidak, maka berapa kadar ayat yang telah ditafsirkan oleh beliau?

Menjawab soalan ini, para ulama terbahagi kepada dua pendapat, sebahagian ulama berpendapat bahawa Rasulullah s.a.w. telah mentafsirkan tiap-tiap lafaz dan makna al-Qur`an serta menjelaskannya kepada para sahabatnya. Ibn Taymiah (W. 728 H/1328 M) termasuk berpendapat demikian.<sup>14</sup> Manakala sesetengah ulama yang lain berpendapat bahawa Rasulullah s.a.w. tidak mentafsirkan makna al-Qur`an kepada

---

<sup>13</sup> *Ibid.*, h. 205

<sup>14</sup> Ibn Taymiah (1971), *Muqaddimah fī Uṣūl al-Tafsīr*, Taḥqīq Adnan Zarzūr, Kuwait: Dār al-Qur`ān al-Karīm, h. 5.

sahabatnya melainkan hanya sedikit sahaja. Di antara ulama yang berpandangan demikian ialah al-Khawbī (W. 637 H) dan al-Suyūṭī (W. 911 H).<sup>15</sup>

Kedua pandangan di atas masing-masing mempunyai hujah yang menyokong pendapatnya, sebagaimana berikut:

Adapun dalil pandangan yang mengatakan bahawa Rasulullah s.a.w. telah mentafsirkan seluruh al-Qur`an, di antaranya ialah:

1. Maksud *al-Bayān* dalam firman Allah s.w.t. surah al-Naḥl ayat 44, ialah menjelaskan seluruh makna ayat al-Qur`an, dan Rasulullah s.a.w. telah pun menjelaskan tiap-tiap lafaz al-Qur`an, yang sudah pasti beliau juga telah menjelaskan seluruh makna al-Qur`an, jika tidak, maknanya beliau tidak menjalankan tugas yang telah dibebankan kepadanya iaitu menerangkan dan mentafsirkan al-Qur`an.
2. Sebuah *athar* yang maksudnya: "Sesungguhnya para sahabat apabila mereka mempelajari daripada Nabi s.a.w. sepuluh ayat al-Qur`an, mereka tidak melampauinya hingga mereka betul-betul mengetahui apa yang terkandung di dalamnya daripada ilmu dan amal, mereka berkata: kami telah belajar al-Qur`an dan ilmu serta amalan sekali gus. Ini membuat mereka menghabiskan banyak masa dalam mempelajari satu surah daripada al-Qur`an". *Athar* ini menunjukkan bahawa para sahabat telah mempelajari keseluruhan makna al-Qur`an, sebagaimana mereka mempelajari lafaznya.

Manakala dalil-dalil pandangan yang mengatakan bahawa Rasulullah s.a.w. tidak mentafsirkan seluruh ayat al-Qur`an, di antaranya ialah:

---

<sup>15</sup> Jalāl al-Dīn Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr al-Suyūṭī, selepas ini disebut al-Suyūṭī (t.t.), *al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur`ān*, Beirut: Dār al-Fikr, h. 179.



1. Hadith yang diriwayatkan oleh al-Bazzār daripada 'Āishah berkata: Rasulullah s.a.w. tidaklah mentafsirkan sesuatu daripada al-Qur`an kecuali beberapa ayat yang dapat dikira, dan malaikat Jibrail telah mengajarkannya.
2. Jumlah riwayat daripada Rasulullah s.a.w. mengenai tafsir al-Qur`an menunjukkan bahawa beliau tidak mentafsirkan keseluruhan al-Qur`an.<sup>16</sup>

Menyikapi kedua pandangan di atas, maka menurut kami bahawa Rasulullah s.a.w. tidak mentafsirkan semua ayat al-Qur`an, namun yang jelasnya beliau banyak mentafsirkan al-Qur`an. Hal ini dibuktikan dengan banyaknya hadith mengenai tafsir al-Qur`an dalam kitab-kitab sunnah. Misalnya al-Bukhārī menulis dalam kitab *Ṣaḥīḥ*-nya satu bab khas mengenai tafsir al-Qur`an yang memuat 503 hadith.<sup>17</sup> Hadith-hadith tafsir tidak semuanya disebutkan dalam bab tafsir, tetapi banyak juga disebutkan dalam bab-bab lainnya seperti pada bab al-Zuhd, al-Īmān, al-Faḍāil, dan lain-lain. Dalam *Sunan al-Tirmidhī* juga terdapat bab khas tafsir al-Qur`an yang memuat 417 hadith.<sup>18</sup>

Dalam kitab-kitab tafsir yang bercorak riwayat akan dijumpai hadith-hadith tafsir yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w., seperti *Jāmi' al-Bayān fī Ta'wīl 'Ay al-Qur`ān* karya Ibn Jarīr al-Ṭabarī (W. 310 H), *Baḥr al-'Ulūm* karya al-Samaraqandī (W. 375 H), *al-Kashf wa al-Bayān* karya al-Naysabūrī (W. 427 H), *Ma'ālim al-Tanzīl* karya al-Baghawī (W. 516 H), *al-Nukāt wa al-'Uyūn Tafsīr al-Mawardī* karya al-Mawardī (W. 550 H), *al-Muḥarrar al-Wajīz fī Tafsīr al-Kitāb al-'Azīz* karya Ibn 'Atiyyah (W. 546 H), *Tafsīr al-Qur`ān al-'Aẓīm* karya Ibn Kathīr (W. 774 H), *Jāmi' lī Aḥkām al-Qur`ān* karya

<sup>16</sup> Kedua pendapat tersebut beserta alasan masing-masing, lebih lanjut didiskusikan oleh Muhammad Husayn al-Dhahabī dan Muḥammad 'Abd al-Raḥīm Muḥammad. Lihat: al-Dhahabī (t.t.), *op. cit.*, h. 39-42; Muḥammad 'Abd al-Raḥīm Muḥammad (t.t.), *al-Tafsīr al-Nabawī: Khaṣāṣuh wa maṣādiruh*, Kaḥerah: Maktabah al-Zahrā, h.7-17.

<sup>17</sup> Lihat: Muhammad bin Ismā'īl bin Ibrāhīm al-Bukhārī, selepas ini disebut al-Bukhārī (2000), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, dalam Ṣāleh bin 'Abd al-'Azīz Āli Shaikh, *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, c. 3, Riyādh: Dār al-Salām, h. 366-432.

<sup>18</sup> *Ibid.*, h. 1948-1998.

al-Qurṭubī (W.671 H), *al-Durr al-Manthūr fī Tafsīr al-Ma'thūr* karya al-Suyūṭī (W. 911 H) dan kitab-kitab tafsir lainnya.<sup>19</sup>

Dengan demikian, Rasulullah s.a.w. telah banyak menjelaskan makna al-Qur`an kepada sahabat-sahabatnya, sebagaimana dijumpai dalam kitab-kitab hadith *ṣiḥāh*, namun beliau tidaklah mentafsirkan semuanya; kerana al-Qur`an terbahagi kepada empat bahagian: ada ayat yang hanya Allah s.w.t. yang mengetahuinya, ada yang dapat difahami oleh ulama, ada yang dapat difahami oleh orang Arab dan ada juga yang dapat difahami oleh orang awam, yang mana seseorang tidak dimaafkan jika tidak mengetahuinya. Dengan tidak ditafsirkan keseluruhannya, hal ini memberikan kesempatan kepada umatnya untuk melakukan ijtihad dan pentafsiran isi kandungan al-Qur`an.<sup>20</sup>

### 1.3 KEDUDUKAN HADITH DALAM TAFSIR AL-QUR`AN

Al-Qur`an al-Karīm yang merupakan sumber dan asas syariat yang utama dalam Islam telah menegaskan bahawa Rasulullah s.a.w. adalah pentafsir dan penghurai kepada al-Qur`an melalui hadith-hadithnya. Sebagaimana Firman Allah s.w.t.:

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya: Dan Kami turunkan kepadamu Al Qur'an, agar kamu menerangkan kepada umat manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka memikirkan.

(Surah al-Naḥl [16]:44)

Imam al-Shāfi'ī dalam *Risālah*-nya menjelaskan bahawa hadith-hadith Nabi amat erat kaitannya dengan al-Qur`an, fungsinya tidak terlepas daripada tiga kategori<sup>21</sup>,

<sup>19</sup> Lihat: Muhammad 'Abd al-Raḥīm Muhammad (t.t.), *op. cit.*, h. 24-25

<sup>20</sup> Al-Dhahabī (t.t.), *op. cit.*, h. 42

<sup>21</sup> Prof. Dr. Hasbi ash-Shiddieqy dengan menukilkan pendapat al-Shāfi'ī menyebutkan bahawa fungsi hadith menurut imam al-Shāfi'ī ada lima, iaitu: *bayān al-tafsīl*, *bayān al-takhṣīṣ*, *bayān al-ta'yīn*, *bayān al-*

iaitu: 1) memperkuat hukum-hukum yang telah didatangkan oleh al-Qur`an, 2) menerang atau menghuraikan maksud al-Qur`an, 3) dan mewujudkan perkara yang tidak disebutkan oleh al-Qur`an.<sup>22</sup> Walaupun ada ulama yang telah menambahkan beberapa lagi namun ia tetap tergolong dalam tiga kategori seperti berikut:

### 1.3.1 Memperkuat dan Mengukuhkan Hukum yang Terdapat di Dalam Al-Qur`an

Pada bahagian ini, hadith datang memperkukuh apa yang telah ditetapkan oleh al-Qur`an, seperti hadith-hadith yang mengharamkan syirik, derhaka kepada ibu bapa, bersumpah dusta, dan hadith-hadith yang mewajibkan zakat, solat, puasa, haji dan sebagainya yang mana perkara ini juga terdapat nasnya dalam al-Qur`an. Contohnya: sabda Rasulullah s.a.w.:

"مَنْ لَعِيَ اللَّهَ لَا يُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا دَخَلَ الْجَنَّةَ وَمَنْ لَعِيَهِ يُشْرِكُ بِهِ دَخَلَ النَّارَ"

Maksudnya: Barang siapa yang menjumpai Allah, sedang ia tidak berbuat syirik kepada-Nya dengan sesuatu, maka ia akan masuk syurga dan barang siapa yang menjumpai-Nya dalam keadaan syirik kepada-Nya, maka ia akan masuk neraka.

(HR. al-Bukhārī dan Muslim)<sup>23</sup>

Hadith ini menguatkan lagi firman Allah s.w.t. yang berbunyi:

"وَلَقَدْ أُوحِيَ إِلَيْكَ وَإِلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكَ لَئِنْ أَشْرَكْتَ لَيَحْبَطَنَّ عَمَلُكَ"

Maksudnya: Dan sesungguhnya telah diwahyukan kepadamu (wahai Muhammad) dan kepada Nabi-nabi yang terdahulu daripadamu: "Demi sesungguhnya! jika engkau (dan pengikut-pengikutmu) mempersekutukan (sesuatu yang lain dengan Allah) tentulah akan gugur amalmu.

(Surah al-Zumar [39]: 65)

---

*tashrīf* dan *bayān al-nasakh*. Lihat Hasbi ash-Shiddieqy (1989), *Sejarah dan Pengantar Ilmu Hadith*, c. 9, Jakarta: Bulan Bintang, h. 187

<sup>22</sup> Al-Shāfi'ī (t.t.), *al-Risālah*, taḥqīq Aḥmad Shākir, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, h. 91-92

<sup>23</sup> Al-Bukhārī (2000), *Op. Cit.*, Kitab al-'Ilm, Bab Man Khaṣṣa bi al-'Ilm, hadith 129, h. 14.; Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Naysabūrī selepas ini disebut Muslim (2000), *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitab: al-Īmān, bab: Man Māta 'Alā al-Tawḥīd. hadith 136, dalam Ṣāliḥ bin 'Abd al-Azīz Āli Shaykh, *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, c. 3, Riyadh: Dār al-Salām, h. 685.

Mengenai solat pula, Rasulullah s.a.w. bersabda:

لَا يَقْبَلُ اللَّهُ صَلَاةَ أَحَدِكُمْ إِذَا أَحْدَثَ حَتَّى يَتَوَضَّأَ

Maksudnya: Allah tidak menerima solat orang yang berhadad hingga ia berwuduk.

(HR. al-Bukhārī dan Muslim)<sup>24</sup>

Hadith ini adalah memperkukuh lagi hukum yang ditetapkan oleh firman Allah

s.w.t.:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ وَإِنْ كُنْتُمْ جُنُبًا فَاطَّهَّرُوا

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadad kecil), maka (berwuduklah) iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu meliputi siku, dan sepuluh sebahagian dari kepala kamu, dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali; dan jika kamu junub (berhadad besar) maka bersucilah.

(Surah al-Māidah [5]: 6)

Mengenai puasa pula Allah s.w.t. berfirman :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa.

(Surah al-Baqarah [2]: 183).

Dan firman Allah s.w.t.:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِنَ الْهُدَى وَالْفُرْقَانِ فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ وَمَنْ كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخَرَ

Maksudnya: (Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu, sesiapa dari antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan (atau mengetahuinya), maka hendaklah ia berpuasa bulan itu; dan sesiapa yang sakit atau dalam musafir maka (bolehlah ia berbuka,

<sup>24</sup> Al-Bukhārī (2000), *op. cit.*, Kitab al-Wuḍū', Bab Lā Tuqbal Ṣalāh bi Ghayr Wuḍū', hadith 135, h. 14; Muslim (2000), *op. cit.*, Kitab al-Ṭahārah, Bab Wujūb al-Ṭahārah li al-Ṣalāh, hadith 537, h. 719.

Kemudian wajiblah ia berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain.

(Surah al-Baqarah [2]: 185)

Di samping ayat-ayat di atas, terdapat pula hadith-hadith mengenai puasa yang menjelaskan hukum, kesan-kesan, keutamaan puasa dan lain-lain. Semua ini menguatkan lagi apa yang telah disebutkan oleh al-Qur`an. Antaranya hadith Abū Hurayrah r.a. di mana Rasulullah s.a.w. bersabda:

صُومُوا لِرُؤُوسِهِ وَأَفْطِرُوا لِرُؤُوسِهِ فَإِنْ عُيِّيَ عَلَيْكُمْ فَأَكْمِلُوا عِدَّةَ شَعْبَانَ ثَلَاثِينَ

Maksudnya: Berpuasalah apabila kamu melihatnya (anak bulan Ramadan) dan berbukalah bila kamu melihatnya. Jika tertutup (dari pandanganmu) maka sempurnakanlah bilangan Sha'ban puluh hari.

(HR. al-Bukhārī dan Muslim)<sup>25</sup>

Begitulah seterusnya dalam perkara-perkara lain, walaupun telah disebut oleh al-Qur`an, namun Rasulullah s.a.w. masih menguatkan lagi dengan hadith-hadithnya.

### 1.3.2 Menjelaskan Dan Menghuraikan Maksud Al-Qur`an

Di samping mengukuhkan hukum yang telah terdapat dalam al-Qur`an, hadith juga berfungsi sebagai penjelasan, huraian dan tafsiran kepada al-Qur`an, yang mana Allah s.w.t. telah memberikan autoriti kepada Rasulullah s.a.w. untuk menjelas, menerang dan mentafsirkan al-Qur`an.<sup>26</sup> Sebagaimana firman Allah dalam Surah al-Nahl [16]: 44, yang bermaksud: "*Dan Kami turunkan kepadamu Al Qur'an, agar kamu menerangkan kepada umat manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka memikirkan.*" Hadith-hadith dalam kategori ini adalah yang paling banyak jumlahnya, sama ada ia berfungsi untuk menghuraikan ayat yang *mujmal* (ringkas), mengkhususkan ayat yang umum, membataskan ayat yang mutlak mahupun

<sup>25</sup> Al-Bukhārī (2000), *op. cit.*, Kitab al-Ṣawm, Bab Idhā Ra`aytum al-Hilāl fa Ṣūmū, hadith 1909, h. 149; Muslim (2000), *op. cit.*, Kitab al-Ṣiyām, Bab Wujūb Ṣawm Ramaḍān li Ru`yah al-Hilāl, hadith 2499, h. 850.

<sup>26</sup> 'Abd al-Wahhāb Khallāf (2002), *Ilm 'Uṣūl al-Fiqh*, Kaheerah: Maktabah al-Dakwah al-Islamiyyah, h. 39

menjelaskan ayat yang musykil. Keempat perkara tersebut akan dijelaskan secara terperinci sebagai berikut:

**a) Menghuraikan Nas-nas Al-Qur`an Yang *Mujmal*.**

Terdapat banyak nas al-Qur`an yang datang dalam bentuk *mujmal* (ringkas) dan tidak jelas maksud sebenarnya. Nas-nas tersebut memerlukan penjelasan dan huraian daripada hadith.

Sebagai contoh nas yang berbentuk *mujmal* dalam al-Qur`an ialah firman Allah s.w.t.:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ

Maksudnya: Dan dirikanlah solat dan tunaikanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk.

(Surah al-Baqarah [2]: 43)

Ayat di atas menyatakan perintah mendirikan solat dan menunaikan zakat, namun perintah tersebut sangat padat dan ringkas, maka hadith datang menjelaskan secara terperinci mengenai jumlah solat, bilangan rakaat, waktu-waktu, tatacara, syarat-syarat, apa yang membatalkannya dan sebagainya. Semua perincian mengenainya telah dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sabdanya:

صَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أُصَلِّي

Maksudnya: Solatlah kamu sebagaimana kamu melihat aku bersolat.

(HR. al-Bukhārī)<sup>27</sup>

Begitu juga ayat mengenai perintah zakat di atas berbentuk *mujmal* dan memerlukan penjelasan lanjut, al-Qur`an tidak menghuraikan secara terperinci mengenai zakat yang wajib dikeluarkan itu, apakah harta yang wajib dikeluarkan zakat,

---

<sup>27</sup> Al-Bukhārī (2000), *op. cit.*, Kitab al-Adhān, Bab al-Adhān li al-Musāfir, hadith 631, h. 51.

kadar yang wajib dikeluarkan dan bilakah masa ia mesti dikeluarkan. Penjelasan yang lengkap hanya didapati dalam hadith Rasulullah s.a.w.

Di antaranya ialah penjelasan Rasulullah s.a.w. mengenai zakat yang diriwayatkan oleh Abū Sa'īd al-Khudrī:

لَيْسَ فِيْمَا دُونَ خَمْسَةِ أَوْسُقٍ مِنَ التَّمْرِ صَدَقَةٌ وَلَيْسَ فِيْمَا دُونَ خَمْسِ أَوْاقٍ مِنَ الْوَرِقِ  
صَدَقَةٌ وَلَيْسَ فِيْمَا دُونَ خَمْسِ دَوْدٍ مِنَ الْإِبِلِ صَدَقَةٌ

Maksudnya: Tidak diwajibkan zakat bagi kurma yang kurang daripada lima awsuq dan wang dirham yang kurang daripada lima awqiyat juga unta yang kurang daripada lima ekor.

(HR. al-Bukhārī dan Muslim)<sup>28</sup>

Dan sabda Rasulullah s.a.w. mengenai zakat fitrah:

فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ زَكَاةَ الْفِطْرِ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ عَلَى الْعَبْدِ وَالْحُرِّ وَالذَّكْرِ  
وَالْأُنْثَى وَالصَّغِيرِ وَالْكَبِيرِ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَأَمَرَ بِهَا أَنْ تُؤَدَّى قَبْلَ خُرُوجِ النَّاسِ إِلَى الصَّلَاةِ .

Maksudnya: Rasulullah s.a.w. mewajibkan zakat fitrah, iaitu satu gantang daripada kurma atau satu gantang daripada gandum, ke atas seorang hamba abdi dan rang yang merdeka, lelaki dan perempuan, yang kecil dan yang tua, daripada orang-orang Islam. Dan beliau menyuruh untuk menunaikannya sebelum manusia keluar untuk melaksanakan solat 'Id.

(HR. al-Bukhārī)<sup>29</sup>

Begitu juga dalam perkara-perkara lain seperti puasa, haji, hudud, jual beli, persusunan dan lain-lain sebagainya yang nasnya datang dalam bentuk *mujmal* dan dihuraikan secara terperinci oleh Rasulullah s.a.w.<sup>30</sup>

## b) Mengkhususkan Ayat Yang Umum.

<sup>28</sup> Al-Bukhārī (2000), *op. cit.*, Kitab al-Zakāh, Bab Laysa fī mā Dūna Khamsah Dhawd Ṣadaqah, hadith 1459, h. 115; Muslim (2000), *op. cit.*, Kitab al-Zakāh, Bab Laysa fī mā Dūna Khamsah Awsuq Ṣadaqah, hadith 2263, h. 831.

<sup>29</sup> Al-Bukhārī (2000), *op. cit.*, Kitab al-Zakāh, Bab Farḍ Ṣadaqah al-Fiṭr, hadith 1503, h. 119.

<sup>30</sup> Lihat: al-Qarḍāwī (1998), *al-Madkhal li Dirāsah al-Sunnah al-Nabawiyah*, Kaherah: Maktabah Wahbah, cet. 4, h. 69-70; lihat juga: Muhammad 'Abd al-Rahim Muhammad (t.t.) *op. cit.*, h. 74-75.

Banyak hukum-hukum yang terdapat dalam al-Qur`an yang berbentuk umum, kemudian hadith memainkan peranannya dengan mengkhususkan hukum-hukum yang umum tersebut. Contohnya hadith yang mengkhususkan makna kezaliman dengan syirik dalam firman Allah s.w.t.:

الَّذِينَ آمَنُوا وَمَ يَلْبِسُوا إِيمَانَهُمْ بِظُلْمٍ أُولَئِكَ هُمُ الْآمِنُونَ وَهُمْ مُهْتَدُونَ

Maksudnya: Orang-orang yang beriman dan tidak mencampur adukkan iman mereka dengan kezaliman (syirik), mereka itulah orang-orang yang mendapat keamanan dan merekalah orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

(Surah al-An'am [6]: 82)

Kezaliman pada ayat tersebut telah difahami oleh para sahabat secara umum, sehingga mereka berkata kepada Rasulullah s.a.w. siapa di antara kami yang tidak menzalimi dirinya? Rasulullah menjawab: bukan itu maksudnya, tetapi ia adalah syirik.

Mengenai perkara perkahwinan pula, Allah s.w.t. telah menyenaraikan wanita-wanita yang haram dikahwini oleh seseorang lelaki dalam surah al-Nisā` ayat 23 dan 24 yang diakhiri dengan FirmanNya: { وَأُحْلِلَ لَكُمْ مَا وَرَاءَ ذَلِكَ } yang bermaksud: "*Dan dihalkan bagimu perempuan-perempuan yang lain daripada yang tersebut*". Ayat ini menjelaskan bahawa selain daripada wanita-wanita yang tersebut dalam kedua-dua ayat tadi adalah halal dikahwini termasuk mengahwini seorang perempuan bersama-sama dengan ibu saudaranya sekali gus. Lalu hadith mengkhususkan keumuman ayat tersebut dengan hadith Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan daripada Jabir r.a. berkata:

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ ﷺ أَنْ تُنكَحَ الْمَرْأَةُ عَلَى عَمَّتِهَا أَوْ خَالَتِهَا.

Maksudnya: Rasulullah s.a.w. melarang menghimpunkan seorang perempuan itu dengan ibu saudaranya sebelah ibu atau bapa.

(HR. al-Bukhārī dan Muslim)<sup>31</sup>

<sup>31</sup> Al-Bukhārī (2000), *op. cit.*, Kitab al-Nikāh, Bab La Tunkah al-Mar`ah 'Alā 'Ammatiha, hadith 5108, h. 442; Muslim (2000), *op. cit.*, Kitab al-Nikāh, Bab Tahrim al-Jama' bayn al-Mar`ah wa 'Ammatiha, hadith 3444, h. 912.



### c) Membataskan Ayat Yang Mutlak.

Terdapat dalam al-Qur`an beberapa hukum yang disebutkan dalam bentuk mutlak, dengan itu hadith telah berperan membataskannya. Contohnya hukum yang terdapat dalam firman Allah s.w.t.:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا جِزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَالاً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

(Surah al-Mā'idah [5]: 38)

Ada dua perkara yang mutlak dalam ayat di atas, iaitu pencuri dan tangan yang berkaitan dengan hukuman yang terdapat dalam ayat tersebut. kedua-duanya telah dibataskan oleh hadith. Di mana pencuri adalah mutlak, termasuk yang mencuri dalam jumlah yang banyak atau sedikit, lalu ia dibataskan oleh hadith di mana pencuri yang dipotong tangannya adalah yang mencuri suatu jumlah tertentu. Walaupun para ulama telah berselisih pendapat dalam menentukan kadarnya, ada yang menetapkan kadarnya iaitu sesuku Dinar atau lebih. Berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan daripada 'Aishah r.a.:

لَا تُقَطَّعُ يَدُ السَّارِقِ إِلَّا فِي رُبْعِ دِينَارٍ فَصَاعِدًا.

Maksudnya: Tangan pencuri tidak dipotong kecuali telah mencuri minima suku Dinar.

(HR. al-Bukhārī dan Muslim)<sup>32</sup>

<sup>32</sup> Al-Bukhārī (2000), *op. cit.*, Kitab al-Ḥudūd, Bab Qawl Allāh Ta'ālā: wa al-Sāriq wa al-Sāriqah fa Iqta'ū Aydiyahumā, hadith 6789, h. 566; Muslim (2000), *op. cit.*, Kitab al-Ḥudūd, Bab Ḥadd al-Sariqah wa Nişābuha, hadith 4398, h. 976.

#### d) Menjelaskan Nas Yang Musykil.

Terdapat beberapa perkataan musykil dalam al-Qur`an yang sulit difahami tanpa ada penjelasan lebih lanjut, sehingga hadits datang menjelaskan maknanya.<sup>33</sup> Contohnya hadits yang menjelaskan maksud daripada perkataan "*al-Khayf*" dalam firman Allah s.w.t.:

وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّى يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ

Maksudnya: Dan makanlah serta minumlah sehingga nyata kepada kamu benang putih (cahaya siang) dari benang hitam kegelapan malam), iaitu waktu fajar.

(Surah al-Baqarah [2]: 187)

Sesetengah sahabat memahaminya sebagai benang atau tali berwarna putih dan berwarna hitam. Maka Rasulullah s.a.w. menghilangkan kemusykilan tersebut dengan bersabda: "إِنَّمَا ذَلِكَ بَيَاضُ النَّهَارِ مِنْ سَوَادِ اللَّيْلِ" maksudnya: *Hanyasanya yang demikian itu ialah putihnya siang daripada gelapnya malam.*<sup>34</sup>

#### 1.3.3 Menetapkan Hukum yang Tidak Ditetapkan oleh Al-Qur`an.

Hadith di samping memperkuat dan memperkukuh hukum yang telah ditetapkan oleh al-Qur`an, ia juga berfungsi menetapkan beberapa hukum yang tidak ditetapkan oleh al-Qur`an, sama ada dalam perkara ibadat, muamalat, kekeluargaan dan selainnya.<sup>35</sup>

Terdapat beberapa contoh hukum yang telah ditetapkan oleh hadith yang tidak disebut oleh al-Qur`an, antaranya ialah: pengharaman mengahwini seorang wanita

<sup>33</sup> Lihat: Muḥammad Muḥammad Abū Zahw (1984), *al-Ḥadīth wa al-Muḥaddithūn*, c. 2, Riyadh: al-Ri`āṣah al-'Ammah li Idārah al-Buḥūth al-'Ilmiyyah wa al-Iftā' wa al-Da'wah wa al-Irshād, h. 39

<sup>34</sup> Muhammad bin 'Īsā al-Tirmidhī (2000), *Sunan al-Tirmidhī*, dalam Ṣāleḥ bin 'Abd al-'Azīz Āli Shaykh, *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, Kitab Tafsīr al-Qur`ān 'an Rasūl Allāh, Bab Min Sūrah al-Baqarah, Hadith: 2970 dan 2971, h. 1950.

<sup>35</sup> Lihat: Muḥammad 'Ajjāj Al-Khaṭīb (1988) *al-Sunnah Qabla al-Tadwīn*, c.2, Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 27

bersama dengan ibu saudaranya, sama ada sebelah bapa atau ibu dalam satu masa, haram memakan burung yang berkuku panjang dan binatang buas yang bertaring, hak waris bagi nenek dan 'aṣabah, hukum-hukum *shuf'ah*, pengharaman daging keldai, wajib membayar *kaffarah* ke atas lelaki yang bersetubuh di waktu siang bulan Ramadan, larangan kencing di air tergenang, pengharaman bejana emas dan perak bagi lelaki dan perempuan, pengharaman memakai emas dan sutera bagi lelaki dan lain-lain.<sup>36</sup>

Dalam perkara ini terdapat perselisihan di kalangan para ulama, dengan jalan apakah hadith dapat menetapkan suatu hukum yang tidak ditetapkan oleh al-Qur`an? Apakah ia berdiri sendiri atautah masih berkaitan dengan al-Qur`an walaupun dengan cara *ta'wīl* atau *qiyās*? Juhur ulama termasuk Imam al-Shāfi'ī berpendapat bahawa hukum yang dikeluarkan itu memang asalnya daripada Rasulullah s.a.w. yang berdiri sendiri dan wajib ditaati. Manakala al-Shātibī dan ulama yang sependapat dengannya mengikut kepada pandangan yang kedua.<sup>37</sup>

Kedua pandangan tersebut di atas masing-masing mempunyai hujah-hujah yang menguatkan pendapatnya. Adapun hujah-hujah ulama yang berpandangan bahawa hadith berdiri sendiri dalam menetapkan hukum, di antaranya ialah sebagai berikut:

Pertama: Sebagai seorang nabi yang maksum atau yang terpelihara daripada berbuat kesalahan dan kesilapan, maka tidak mustahil Rasulullah s.a.w. diberikan wewenang atau kekuasaan dalam menentukan hukum-hukum syarak. Allah s.w.t. telah pun memerintahkan kepada Rasul-Nya untuk menyampaikan hukum-hukum syariat kepada manusia sama ada melalui al-Qur`an ataupun selainnya.

---

<sup>36</sup> Abū Ishāq Ibrāhīm bin Mūsā Al-Shātibī (1997), *al-Muwāfūqāt*, Taḥqīq: bakr bin 'Abd Allāh Abū Zayd, j. 4, al-Sa'ūdiyyah: Dār Ibn 'Affān, h. 323-324, lihat juga: Al-Qardāwī (1998), *op.cit.*, h.70-71.

<sup>37</sup> Dr. Muṣṭafā al-Sibā'ī selepas ini al-Sibā'ī (2000), *al-Sunnah wa Makānatuha fī al-Tashrī' al-Islāmī*, Beirut: al-Maktabah al-Islāmī dan Dār al-Warrāq, h. 415.

Kedua: Terdapat banyak ayat-ayat al-Qur`an yang memerintahkan untuk taat kepada Allah s.w.t. dan Rasul-Nya. Di antaranya ialah Firman Allah yang bermaksud: *Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah.*<sup>38</sup> Dan firman-Nya: *Dan taatlah kamu kepada Allah serta taatlah kepada Rasulullah, dan awaslah (janganlah sampai menyalahi perintah Allah dan Rasul-Nya).*<sup>39</sup> Perintah taat kepada Allah bermaksud menjalankan segala perintah dan menjauhi segala larangan Allah s.w.t. yang termaktub dalam al-Qur`an. Manakala taat kepada Rasulullah s.a.w. bermakna melaksanakan perintah beliau dan menjauhi larangannya yang tidak termaktub dalam al-Qur`an. Sekiranya Rasulullah s.a.w. tidak perlu ditaati dalam hukum-hukum tambahan yang datang daripadanya tetapi dalam perkara yang bertepatan dengan al-Qur`an sahaja, kepatuhan terhadap Rasulullah s.a.w. tidak membawa apa-apa makna; kerana tidak ada ketaatan khusus terhadapnya.<sup>40</sup>

Ketiga: Sabda Rasulullah s.a.w.:

أَلَا وَإِنِّي أُوتِيتُ الْقُرْآنَ وَمِثْلَهُ مَعَهُ

Maksudnya: *Ketahuilah! sesungguhnya aku telah diberikan al-Qur`an dan seumpamanya bersamanya.*

(HR. Abū Dāwūd)<sup>41</sup>

Hadith di atas menunjukkan bahawa selain al-Qur`an, Rasulullah s.a.w. juga diberikan wahyu seumpamanya yang dapat menetapkan hukum-hukum yang tidak terdapat di dalam al-Qur`an iaitu hadith Rasulullah s.a.w..<sup>42</sup>

Manakala hujah-hujah ulama yang berpandangan bahawa hadith tidak berdiri sendiri dalam menentukan hukum, di antaranya sebagai berikut:

<sup>38</sup> Surah al-Nisā` [4]: 59.

<sup>39</sup> Surah al-Māidah [5]: 92.

<sup>40</sup> Al-Sibā'ī (2000), *op.cit.*, h. 417-418. lihat juga: al-Qardāwī (1998), *op.cit.*, h. 71.

<sup>41</sup> Abū Dāwūd Sulaymān bin al-Ash'ath al-Sajistānī (2000), *Sunan Abū Dāwūd*, dalam Şāleh bin 'Abd al-'Azīz Āli Shaykh, *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, Kitāb al-Sunnah, Bab Luzūm al-Sunnah, hadith 4604, h. 1561.

<sup>42</sup> Muhammad bin 'Alī al-Shawkānī (2000), *Irshād al-Fuḥūl ilā Taḥqīq al-Ḥaq min 'Ilm al-Uṣūl*, cet. 1, Riyadh: Dār al-Fadhīlah, h.187

Pertama: Hadith tidak mendatangkan sesuatu yang tidak ada sandarannya dalam al-Qur`an, sebab al-Qur`an adalah asas yang mengandungi kaedah-kaedah syariah yang menyeluruh. Hadith-hadith yang dikatakan tambahan daripada al-Qur`an itu semuanya ada sandarannya, sama ada secara keseluruhan atau terperinci; kerana hadith berfungsi untuk menjelas dan menghuraikan isi kandungan al-Qur`an.<sup>43</sup> Sebagaimana firman Allah s.w.t. yang bermaksud: *dan kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) al-Quran yang memberi peringatan, supaya engkau menerangkan kepada umat manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka.*<sup>44</sup>

Kedua: firman Allah s.w.t.: (وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ) yang bermaksud: *Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia.*<sup>45</sup> Sayyidatuna 'Aishah mentafsirkan ayat ini bahawa akhlak Rasulullah s.a.w. adalah al-Qur`an, yang bermakna bahawa segala perkataan, perbuatan, perakuan beliau adalah merujuk kepada al-Qur`an al-Karim.<sup>46</sup>

Dari segi zahirnya, memang terdapat perbezaan di antara dua pendapat di atas, namun kedua-duanya mengakui bahawa hadith menetapkan hukum-hakam yang tidak terdapat dalam al-Qur`an. Adapun yang berpendapat bahawa al-Qur`an tidak mendatangkan hukum tambahan, ia bermaksud al-Qur`an mencakupi segala hukum syariat, sama ada secara keseluruhan ataupun secara terperinci. Manakala yang berpendapat bahawa hadith mendatangkan hukum tambahan, yang dimaksudkan ialah hukum-hakam terperinci (*tafṣīliyyah*) yang tidak termaktub dalam al-Qur`an secara jelas. Walhasil, apabila fungsi hadith terhadap al-Quran adalah sebagai penjelasan penguat, perinci, pembatas dan bahkan tambahan, kesemuanya bersumber daripada Allah s.w.t.; sebab setiap yang datang daripada Rasulullah s.a.w. tidak lain hanyalah wahyu yang

---

<sup>43</sup> Ibrāhīm bin Mūsā al-Shāṭibī (1997), *al-Muwāfaqāt*, Khubar: Dār Ibnu 'Affān, cet.1, j. 4 h. 316

<sup>44</sup> Q.S. al-Naḥl [16]: 44.

<sup>45</sup> Q.S. al-Qalam [68]: 4.

<sup>46</sup> Muhammad bin 'Alī al-Shāṭibī (1997), *op. cit.*, h. 317-318

diwahyukan kepadanya. Maka penambahan yang bersumber daripada hadith tersebut pada hakikatnya adalah penjelasan dari apa yang dimaksudkan oleh Allah s.w.t. dalam firman-Nya.

#### **1.4 KESIMPULAN**

Al-Qur`an al-Karim diturunkan dalam bahasa Arab demi menyeru kepada bangsa Arab pada peringkat awalnya untuk memeluk agama Islam, kemudian kepada seluruh manusia di permukaan bumi ini, maka ia mestilah menggunakan bahasa yang mereka fahami agar risalah yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. dapat mereka terima dengan baik dan sempurna. Namun pengetahuan orang-orang Arab akan selok-belok bahasa Arab, tidak semestinya mereka mengetahui semua isi kandungan al-Qur`an secara terperinci dan detil. Ia mestilah dengan proses penelitian dan pengkajian serta merujuk kepada Nabi s.a.w. kerana terdapat dalam ayat-ayat *mutashābih*, *mujmal*, *mushkil* dan sebagainya.

Tafsir al-Qur`an telah mengalami perjalanan dan tahap yang cukup panjang. Pada zaman Rasulullah s.a.w., proses pentafsiran al-Qur`an dibawakan oleh beliau sendiri. Setelah Rasulullah s.a.w. wafat, yang menjadi sumber tafsir bagi para sahabat ialah al-Qur`an itu sendiri, kemudian Sunnah Rasulullah s.a.w. Apabila tidak menjumpai tafsirnya dalam al-Qur`an dan sunnah, mereka berijtihad berdasarkan daya pemikiran dan istinbat masing-masing. Selain itu, sahabat kadang juga merujuk Ahli Kitab untuk mengetahui kisah-kisah yang terdapat dalam al-Qur`an secara detil. Kemudian sumber rujukan tafsir pada zaman tabi'in sama seperti zaman sahabat, namun mereka menambahkan riwayat dan tafsiran sahabat-sahabat Nabi s.a.w. Pentafsiran al-Qur`an pada zaman sahabat dan tabi'in masih bercorak riwayat dan belum dibukukan. Kemudian pada zaman tabi' tabiin, tafsir al-Qur`an sudah mulai berkembang di mana

para ulama mengumpulkan segala yang diwarisi daripada riwayat tafsiran Rasulullah s.a.w., sahabat dan tabi'in. Ketika itu belum dilembagakan tafsir atau hadith sebagai disiplin ilmu yang tersendiri. Tafsir lebih merupakan periwayatan hadith, dan belum ada satu karya khas mentafsirkan al-Qur`an ayat demi ayat dari awal al-Qur`an hingga ke akhirnya. Kemudian bermulalah penulisan tafsir sebagai suatu disiplin ilmu tersendiri yang terpisah daripada hadith. Pada peringkat ini ulama mulai beranjak mentafsirkan tiap-tiap ayat al-Qur`an secara tersusun mengikut urutan mashaf. Ulama yang pertama menulis tafsir pada peringkat ini ialah 'Abd al-Mālik bin Jurayj (80H-140H).

Rasulullah s.a.w. telah banyak menjelaskan makna al-Qur`an kepada sahabat-sahabatnya, sebagaimana dijumpai dalam kitab-kitab hadith, tafsir, sirah dan lain-lain. Namun beliau tidaklah mentafsirkan semuanya; kerana al-Qur`an terbahagi kepada empat bahagian: ada ayat yang hanya Allah s.w.t. yang mengetahuinya, ada yang dapat difahami oleh ulama, ada yang dapat difahami oleh orang Arab dan ada juga yang dapat difahami oleh orang awam. Dengan tidak ditafsirkan keseluruhannya, hal ini memberikan kesempatan kepada umatnya untuk melakukan ijtihad dan pentafsiran isi kandungan ayat al-Qur`an.

Al-Qur`an dan hadith adalah pedoman hidup, sumber hukum dan ajaran dalam Islam, antara satu dengan lainnya tidak dapat dipisahkan. Keduanya merupakan satu kesatuan. Al-Qur`an sebagai sumber pertama dan utama banyak memuat ajaran-ajaran yang bersifat umum dan global. Olehnya itu, kehadiran hadith sebagai sumber kedua berperan untuk menjelaskan keumuman isi kandungan al-Qur`an tersebut. Olehnya itu, fungsi hadith sebagai penjelas al-Qur`an banyak macamnya. Menurut imam al-Shāfi'i, ia terbahagi kepada tiga kategori, iaitu: memperkuat hukum-hakam yang telah didatangkan oleh al-Qur`an, menerang atau menghuraikan maksud al-Qur`an, dan mewujudkan perkara yang tidak disebutkan oleh al-Qur`an.